
Perbendaharaan Hikmah

Posted by At Tariq - 2008/09/15 20:49

Setiap apa yang betul bukanlah KEBETULAN
Apa yang benar tidak semestinya suatu KEBENARAN

=====

Re:Perbendaharaan Hikmah

Posted by At Tariq - 2008/09/16 06:42

Bersabar ketika senang tidak sama sabarnya
ketika susah.

Ketika susah seseorang akan berdoa dengan penuh
pengharapan agar dapat menahan penderitaan
berbanding ketika senang seseorang hanya
bersyukur lebih banyak.

=====

Re:Perbendaharaan Hikmah

Posted by At Tariq - 2008/09/16 16:37

Nafsu itu kebiasaan alam syariat dan selalu
digoda syithan.

Akal itu jalannya tarikat dan selalu tergoda
oleh pelbagai ilmu.

Hati itu yang bermain di alam hakikat dan
selalu digoda pelbagai kenyataan.

Jiwa yang mencapai makrifah dapat mendidik
semua diri-diri itu.

=====

Re:Perbendaharaan Hikmah

Posted by At Tariq - 2008/09/17 18:20

Sesetengah orang menghabiskan masa kerana
berjuang memerangi syithan sedangkan berlingung
dengan Allah adalah lebih baik.

Sebenarnya syithan sengaja membuat kekacauan
dimana-mana agar manusia lupa tugas yang lebih
utama. Sesungguhnya manusia tidak mampu untuk
menjadikan manusia beriman. Tugas kita hanyalah
mengajak dan menyampaikan kebenaran.

Melainkan mereka yang telah Allah pilih dari
kalangan iman mereka yg. kuat seagai tenteraNya.

=====

Re:Perbendaharaan Hikmah

Posted by At Tariq - 2008/09/18 16:52

Bagaimana mungkin kita merasakan ujian Allah
itu sangat tidak tertanggung sedangkan Allah
menguji manusia mengikut kemampuan setiap orang.

Maka dengan itu jangan secepat itu kita ingin berputus asa sebelum kita merasakan redha dan ikhlas menerima ujiannya.

=====

Re:Perbendaharaan Hikmah

Posted by At Tariq - 2008/09/20 17:35

Tiada yang lebih baik dari penglihatan mata melainkan ia dapat melihat kewujudan dengan kebesaran Allah.

=====

Re:Perbendaharaan Hikmah

Posted by At Tariq - 2008/09/22 20:12

Usah terlalai dalam setiap kesempatan beramal yang dibukakan Allah untuk kita. Kerana dalam kesempatan itu terdapat kurnia besar yang sukar berulang lagi.

Allah mempunyai banyak kurnianya. Ganjaran yang disisinya adalah lebih besar dari apa yang telah ditetapkan.

=====

Re:Perbendaharaan Hikmah

Posted by At Tariq - 2008/10/05 05:18

Iblis juga pandai menasihati manusia dalam hal kebaikan bertujuan melalaikan manusia dari amalan yang lebih baik.

Sabar adalah suatu amalan yang baik dan disuruh manusia itu sabar dalam pelbagai kerja dan menghadapi ujian.

Sifat sabar perlu dilakukan kepada hal yang sepatutnya perlu sabar. Namun sabar itu perlu difikirkan dengan baik agar manusia melakukan pada keadaan yang betul.

Sabar tidak semestinya manusia itu membiarkan sesuatu berlaku tanpa tindakan melawannya.

=====

Re:Perbendaharaan Hikmah

Posted by At Tariq - 2008/10/05 05:24

Memilih antara dua kebaikan adalah sangat sukar berbanding untuk memilih diantara suatu yang baik dan buruk.

Seseorang yang diuji Allah untuk memilih dua kebaikan memerlukan pemerhatian yang mendalam.

Kerana diantara dua kebaikan itu terdapat
kebaikan disisi Allah dan kebaikan pada
pandangan manusia.

=====

Re:Perbendaharaan Hikmah

Posted by At Tariq - 2008/10/12 16:41

Manusia akan kenal tuhan kerana tuhan
mengenalkan dirinya melalui ciptaan dan
kekuasaannya.

Maka gunakanlah mata hati dan akal batin
mu.Hati yang bersih dan dibersihkan adalah
tempatny ilmu Allah.

=====

Re:Perbendaharaan Hikmah

Posted by At Tariq - 2008/10/17 11:27

Pastikan kehidupan saat akhir itu selamat
melalui pengalaman kesilapan diri kita.

=====